



SOALAN-SOALAN LAZIM

PROGRAM PENGHAPUSAN FILARIASIS LIMFATIK KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Apakah itu Penyakit Filariasis Limfatik (LF)?

Penyakit Filariasis Limfatik (LF) atau lebih dikenali sebagai penyakit Untut adalah jangkitan cacing jenis filaria yang mengganggu sistem limfa.

2. Bagaimana seseorang boleh dijangkiti dengan LF?

Penyakit ini berjangkit melalui gigitan nyamuk. Nyamuk yang menggigit seseorang yang telah dijangkiti oleh LF adalah pembawa cacing filariasis (vektor) dalam perutnya. Orang lain boleh dijangkiti apabila nyamuk ini menggigit dan seterusnya memindahkan cacing tersebut ke dalam tubuh.

3. Apakah simptom penyakit LF?

Kebanyakan kes LF tidak menunjukkan simptom. Walau bagaimanapun, antara komplikasi jangkitan penyakit ini adalah termasuk *lymphoedema* (bengkak pada anggota badan) dan *hydrocele* (bengkak di bahagian skrotum) yang boleh menyebabkan kecacatan teruk serta hilang keupayaan kekal. Ini akan memberikan kesan besar kepada kesihatan individu yang terjejas.

4. Adakah rawatan untuk LF?

Terdapat ubat khusus yang diberikan untuk mengurangkan jumlah cacing dalam tubuh. Walau bagaimanapun, jika berlaku komplikasi seperti *lymphoedema* atau *hydrocoele*, pembedahan atau penjagaan jangka panjang mungkin diperlukan.

5. Apakah inisiatif Kementerian Kesihatan untuk mengawal jangkitan LF di negara ini?

Program Penghapusan Filariasis Limfatik Kebangsaan merupakan usaha Kementerian Kesihatan untuk menghentikan penularan penyakit melalui pelaksanaan *Mass Drug Administration* (MDA), seperti yang disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), di samping menjalankan pemantauan berterusan bagi kes-kes LF di negara ini. MDA juga telah dilaksanakan di banyak negara lain.

6. Apakah itu *Mass Drug Administration* (MDA)?

MDA melibatkan pemberian ubat setahun sekali kepada penduduk yang tinggal di kawasan berisiko, walaupun mereka tidak menunjukkan simptom LF. Program berskala besar ini dilaksanakan untuk mengurangkan jumlah cacing dalam badan bagi penduduk

yang berisiko kepada tahap yang sangat rendah. Dengan ini, penularan penyakit dapat disekat dan seluruh komuniti dapat dilindungi dari jangkitan LF.

7. Adakah saya perlu menyertai MDA?

Jika awda merupakan penduduk di kawasan yang terpilih dan layak menerima ubat, penyertaan awda amat penting. Program ini hanya akan berjaya jika sebahagian besar penduduk mengambil ubat yang diberikan. Dengan menyertai MDA, awda bukan sahaja melindungi diri sendiri tetapi juga membantu melindungi keluarga dan seluruh komuniti daripada penyakit LF.

8. Apakah ubat-ubatan yang akan digunakan dalam program MDA?

Ada tiga jenis ubat tablet yang diberikan untuk MDA iaitu *Diethylcarbamazine* (DEC), *Albendazole* dan *Ivermectin*. Kombinasi ubat-ubatan ini telah terbukti berkesan untuk menghapuskan cacing filaria, selain membantu dalam meningkatkan tahap kesihatan seseorang.

9. Adakah ubat-ubatan ini selamat?

Ya. Ubat-ubatan MDA telah digunakan secara meluas di seluruh dunia untuk menghapuskan LF.

10. Adakah ubat MDA akan diberikan kepada orang ramai?

Mereka yang tinggal di kawasan terpilih adalah layak untuk menerima ubat-ubatan MDA. Walau bagaimanapun, ubat MDA dikecualikan bagi kanak-kanak di bawah umur 2 tahun, wanita mengandung, ibu yang baru bersalin dan sedang menyusukan anak damit dan juga mereka yang mempunyai masalah kesihatan yang tertentu.

11. Adakah terdapat kesan sampingan ubat-ubatan MDA?

Kesan sampingan pada umumnya adalah bersifat ringan dan sementara. Ia boleh berlaku apabila ubat yang diambil bertindak balas untuk menghapuskan cacing di dalam badan. Antara simptom-simptom yang mungkin dialami termasuk demam, menggigil, sakit kepala, pening, keletihan, sakit perut, mual, atau bengkak ringan pada beberapa bahagian badan.

12. Apa yang perlu dilakukan jika mengalami kesan sampingan?

Kebanyakan kesan sampingan akan pulih dengan sendiri. Walau bagaimanapun, jika awda mengalami simptom yang teruk atau berpanjangan, segera dapatkan rawatan di pusat kesihatan atau hospital terdekat. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada *Risalah Maklumat Ubat* yang diberikan sewaktu pemberian ubat-ubatan MDA.

13. Di manakah kawasan yang telah ditetapkan untuk pelaksanaan MDA?

Buat masa ini, hanya beberapa mukim di daerah Tutong sahaja yang terpilih untuk pelaksanaan MDA.

14. Bilakah program ini akan dijalankan?

Program MDA bagi daerah Tutong akan bermula sekitar bulan Mei 2026 dan akan dijalankan sekali lagi pada tahun berikutnya. Walau bagaimanapun, tarikh bagi setiap lokasi akan ditetapkan mengikut perkembangan semasa.

15. Bagaimana saya mengetahui mengenai tarikh dan tempat untuk MDA?

Pihak Kementerian Kesihatan akan memaklumkan tarikh dan tempat melalui penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung. Selain itu, penduduk juga boleh mendapatkan maklumat terkini melalui *banner* yang diletakkan di kawasan masing-masing.

16. Di mana pengagihan ubat untuk MDA dijalankan?

Beberapa lokasi seperti dewan-dewan kemasyarakatan, masjid-masjid dan dewan-dewan sekolah telah ditetapkan untuk pengagihan ubat kepada orang ramai.

17. Apa yang perlu dibuat semasa MDA dijalankan?

Apabila awda tiba di lokasi pengagihan ubat MDA, petugas kesihatan akan mengambil maklumat pengenalan awda dan kemudian menyukat berat badan untuk menentukan dos ubat. Seterusnya, ubat-ubatan MDA akan diberikan untuk diambil dengan pemantauan petugas kesihatan. Keseluruhan proses mengambil masa sekitar 15-20 minit bagi setiap individu.

18. Jika saya tidak dapat menghadiri MDA, apa yang perlu saya lakukan?

Sila hubungi ketua kampung dan berikan maklumat perhubungan awda. Pihak Kementerian Kesihatan akan sedaya upaya memastikan supaya semua individu yang layak akan menerima ubat-ubatan MDA. Perkara ini adalah penting bagi liputan program adalah menyeluruh dan tiada sesiapa tertinggal daripada mendapatkan perlindungan daripada penyakit LF.

19. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai MDA?

Sila imbas kod QR di bawah atau layari <https://moh.gov.bn/resources/> untuk maklumat lanjut di laman sesawang Kementerian Kesihatan, atau ikuti Instagram @mohbrunei. Untuk sebarang pertanyaan, awda boleh menghubungi Talian Darussalam di 123.

